



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN AIR TANAH DAN SUMBER ASLI**

**3RD ISTANBUL INTERNATIONAL INVENTIONS FAIR (ISIF'18)
ISTANBUL, TURKI PADA 27 HINGGA 30 SEPTEMBER 2018**

8 OKTOBER 2018

Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah berjaya mengharumkan nama Malaysia di **3rd Istanbul International Invention Fair (ISIF'18)** yang telah berlangsung di Istanbul, Turki pada 27 hingga 30 September 2018 yang lalu.

ISIF'18 adalah merupakan pertandingan serta pameran harta intelek inovasi dan rekacipta antarabangsa di Istanbul, Turki yang diadakan setiap tahun. Tahun ini adalah merupakan tahun ketiga penganjurannya yang melibatkan penyertaan dari pelbagai negara.

Lebih daripada 400 hasil inovasi/rekacipta oleh syarikat-syarikat dan penyelidik persendirian daripada lebih 38 negara telah mempamerkan hasil produk masing-masing di pertandingan ini yang telah dihakimi oleh juri-juri profesional antarabangsa.

Sebanyak 20 hasil inovasi/rekacipta telah dipamerkan oleh wakil-wakil Malaysia yang terdiri daripada agensi kerajaan, universiti, sekolah dan syarikat swasta iaitu NAHRIM/JPS/HTC; UNITEN; TNB Research Sdn Bhd; Sekolah Menengah Sains Tengku Abdullah Pahang dan Syarikat Muhibah Sinergia Resources.

NAHRIM serta JPS telah menyertai pertandingan/pameran ini buat julung-julung kalinya pada tahun ini dengan mempertandingkan sebanyak **10 produk rekacipta**. Tiga adalah merupakan produk hasil penyelidikan bersama NAHRIM dan *Humid Tropic Center* (HTC)/JPS manakala baki tujuh lagi adalah merupakan produk hasil penyelidikan NAHRIM sendiri. Kesemua penyelidikan reka cipta telah diketuai oleh Dato' Dr Nasehir Khan Bin E.M. Yahaya, Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai, NAHRIM bersama-sama para penyelidik daripada NAHRIM dan HTC/JPS Malaysia. (Makluman lengkap produk yang dipertandingkan adalah seperti di lampiran).

Dato' Hj Suhaimi Bin Hj Mamat, Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli), (KATS) bersama-sama Dato' Dr. Nasehir Khan E.M. Yahaya Khan (NAHRIM), Dr. Mohd Aminur Rashid bin Mohd Amiruddin Arumugam (NAHRIM) dan Haji Mat Supri Bin Kasa (JPS) yang juga mewakili HTC telah hadir di majlis pengumuman pemenang dan penyampaian hadiah ISIF'18 tersebut. (Gambar di bawah)

Secara keseluruhan Malaysia telah berjaya memperolehi sebanyak tiga pingat emas, lima pingat perak dan 11 pingat gangsa. Kejayaan ini bertambah harum apabila NAHRIM turut diumumkan sebagai penerima **Anugerah Grand Prix ISIF'18** dengan mengalahkan rekacipta negara-negara lain yang bertanding.

Kemenangan ini jelas membuktikan hasil inovasi dan rekacipta daripada negara ini adalah setanding dengan hasil inovasi dan rekacipta syarikat-syarikat antarabangsa negara-negara maju dalam menghasilkan produk berkualiti tinggi dan bertaraf antarabangsa. Sesungguhnya ia merupakan satu kebanggaan kepada negara.



SENARAI ANUGERAH-ANUGERAH YANG DIMENANGI

A. Rekacipta hasil penyelidikan *Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)* :

1. **‘Grand Prix Award’ untuk rekacipta ‘NAHRIM Lab On Chip’ (NLOC)**
NLOC merupakan satu inovasi sistem bersepadu yang merangkumi instrumen pemantauan dan analisis kualiti air sehingga dapat merekodkan 18 atau lebih parameter yang berbeza dalam satu masa secara *‘real time’*. NLOC direkabentuk untuk pemantauan dan analisis kualiti air dengan lebih cekap dan efisien serta merupakan makmal bergerak yang berupaya menganalisis sampel air secara terus dan boleh dihantar secara *‘online’*.



2. **Pingat Emas untuk ‘NAHRIM HYDRAULIC MARKER’ (NhM)**
NhM adalah inovasi pilihan bagi penandaan kawasan rizab untuk sungai, tasik, persisiran pantai dan saluran pengairan serta saluran. Pemasangan NhM berdasarkan jajaran zon penampakan bagi penandaan kawasan tersebut supaya tidak docerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
3. **Pingat Emas untuk ‘NAHRIM Invisible Levee Sytem V2.0’ (NAILS - V2.0)**
NAILS versi 2.0 ialah inovasi untuk mengawal limpahan banjir dari tebingan saluran sungai atau anak sungai.
4. **Pingat Perak untuk ‘NAHRIM Invisible Levee Sytem V1.0’ (NAILS V1.0)**
NAILS versi 1.0 ialah inovasi untuk kawalan banjir untuk infrastruktur awam yang berisiko tinggi mengalami banjir.

5. **Pingat Gangsa untuk ‘NAHRIM Community Floatable Flood Relief Center’(NCFERC)**

NAHRIM Community Floatable Flood Relief Center (NCFERC) adalah suatu inovasi berfungsi sebagai pusat penempatan sementara ketika musim banjir.

6. **Pingat Gangsa untuk ‘NAHRIM Water Scan’ (NEXUS)**

NEXUS adalah suatu inovasi sistem pemantauan kualiti air untuk 6 parameter secara ‘real time’ jenis ‘handy type’.

7. **Pingat Gangsa untuk ‘NAHRIM Portable Water Treatment System’ (NEWTON)**

NEWTON adalah suatu inovasi untuk merawat air sungai ,air laut,air bumi,air perparitan dan air hujan ke tahap air minuman.

B) Rekacipta hasil penyelidikan bersama NAHRIM dan *Jabatan Pengairan dan Salina (JPS)/Humid Tropic Center (HTC):*

1. **Pingat Emas untuk ‘MOBILE FLOOD WALL BARRIER NAHRIM-DID V2.0’ (MFWD NADI V2.0)**

MFWD NADI V2.0 merupakan suatu inovasi sebagai dinding penahan banjir mudah alih di pintu masuk premis kerajaan seperti sekolah dan hospital serta di kawasan perumahan.

2. **Pingat Gangsa untuk ‘MOBILE FLOOD WALL BARRIER NAHRIM-DID 3.0’, (MFWD NADI V3.0)**

MFWD NADI V3.0 merupakan suatu inovasi sebagai dinding penahan banjir mudah alih untuk kawasan perumahan di kawasan perbandaran.

3. **Pingat Gangsa untuk ‘MOBILE FLOOD WALL BARRIER NAHRIM-DID 1.0’, (MFWD NADI V1.0)**

MFWD NADI V1.0 merupakan suatu inovasi sebagai dinding penahan banjir mudah alih untuk kawasan perumahan di luar bandar.

Untuk makluman lanjut:

1. Dato’ Dr. Nasehir Khan E.M Yahaya
Pengarah
Pusat Kajian Lembangan Sungai
Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)
Tel: 603 8947 6400 samb 1155
E-mel: nasehir@nahrim.gov.my